

Calpo Suspension

Mebendazole 100mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Calpo Suspension
2. Bagaimana Calpo Suspension berfungsi
3. Sebelum mengambil Calpo Suspension
4. Cara mengambil Calpo Suspension
5. Semasa mengambil Calpo Suspension
6. Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Calpo Suspension
8. Deskripsi Produk
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Calpo Suspension

Calpo Suspension digunakan untuk menghapuskan jangkitan cacing-cacing biasa yang berada dalam usus, seperti cacing Kerawit, Cacing Gelang, Cacing Kait dan Cacing Cambuk.

Bagaimana Calpo Suspension berfungsi

Calpo Suspension mengandungi Mebendazole yang merupakan anthelmintic terhadap Threadworm (Enterobius), Roundworm (Ascaris), Hookworm (Ancylostoma dan Necator) dan Whipworm (Trichuris).

Sebelum mengambil Calpo Suspension

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil produk ini jika anda alergi (hipersensitiviti) terhadap Mebendazole atau bahan-bahan lain yang terkandung dalam produk ini.

Sebelum mula mengambil

Ubat ini boleh meresap masuk ke dalam susu ibu.

Jika mengambil ubat-ubatan lain

Tiada maklumat

Cara mengambil Calpo Suspension

Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak 2 tahun ke atas: Cacing Kerawit: 1 camca teh (5ml) diambil sekali sahaja.
Diulangi jika perlu selepas 2 atau 3 minggu.
Cacing Gelang, Cacing Kait dan Cacing Cambuk:
1 camca the (5ml) 2 kali sehari, diambil 3 hari berturutan.

ATAU

1 botol (25ml) sebagai dos tunggal.
Goncangkan botol sebelum diambil.

Bila perlu diambil

Boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

Berapa lama perlu diambil

Sila mengikuti nasihat doktor atau ahli farmasi.

Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa beri Calpo Suspension kepada anak anda, berikannya secepat mungkin apabila anda teringat. Jangan cuba beri dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Sekiranya terambil berlebihan, sila menghubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke unit kecemasan hospital yang terdekat untuk nasihat perubatan.

Semasa mengambil Calpo Suspension

Perkara yang perlu dilakukan

Periksa dengan doktor anda sekiranya: Semak dengan doktor anda sekaligus anak anda mengalami ruam atau reaksi alergi.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil ubat ini untuk keadaan lain kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan meninggalkan ubat atas kounter, meja kecil atau meja di mana kanak-kanak boleh mencapai.

Kesan Sampingan

Mual, muntah, sakit perut dan cirit-birit kadang-kadang boleh berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web nptra.moh.gov.my (Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Calpo Suspension

Penyimpanan

- Simpan di bawah 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya.
- Tutupkan penutup dengan ketat.
- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak

Pelupusan

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput. Tarikh luput selalunya dicetak pada label dan kotak ubat.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Calpo Suspension merupakan larutan ampai yang berwarna putih.

Bahan-bahan

Bahan-bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi Mebendazole 100mg

Bahan-bahan tidak aktif

Methyl Hydroxybenzoate, Propyl Hydroxybenzoate, Sodium Benzoate, Sugar, Xanthan Gum, Tragacanth Gum, Sorbitol Solution 70%, Banana Flavour, Purified Water.

Calpo Suspension

MAL No.: MAL19912835X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

WINWA MEDICAL SDN. BHD.
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,
Taman I.K.S. Bukit Minyak,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

21/11/2017